22/2024 (05-08)
EDISI MEI-OGOS 2024

# OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH

Yayasan Sarawak



MS 6

## PREMIER SARAWAK PERUNTUKKAN RM15 JUTA KOMPUTER RIBA PERCUMA




MS 7

## PREMIER SARAWAK RASMI EKSPO PENDIDIKAN SARAWAK KALI KETIGA

IMBAS INFO

Koleksi Penerbitan Yayasan Sarawak

Yayasan Sarawak

## *Visi*

Untuk Menjadi Yayasan Bertaraf Dunia
Dalam Membangun Modal Insan
Yang Berkualiti Di Sarawak.

## *Misi*

Beriltizam Untuk Memacu Pembangunan
Modal Insan Yang Berkualiti Untuk Sarawak
Melalui Bantuan Dan Sokongan Yang Berkesan.

## *Motto*

Pemangkin Pembangunan Pendidikan
Ke Arah Modal Insan Berkualiti.

## *Nilai-Nilai Teras*

Integriti
Profesionalisme
Berorientasikan Hasil
Baik Hati dan Prihatin
Semangat Berpasukan
Sikap Kesegeraan dan Semangat Sepunya

## *Pencapaian & Pengiktirafan*



# KANDUNGAN


3 Isi Kandungan
4 Dari Meja Pengarah
5 Dari Meja Ketua Editor

## INFO BERITA UTAMA

6 Kunjungan Pengarah Yayasan Sarawak ke atas TYT Yang Di-Pertua Negeri Sarawak
6 Premier Sarawak Peruntukkan RM15 Juta Komputer Riba Percuma
7 EKSPO Pendidikan Sarawak 2024 Kali Ketiga Dirasmikan
7 Majlis 'Flag-Off' Murid Semenanjung ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di Sarawak

## INFO KORPORAT

8 Lawatan Tapak Premier Sarawak ke Universiti Teknologi Sarawak Kampus Laila Taib, Mukah
8 Lawatan Tapak Yayasan Sarawak International Secondary School Sibu
8 Lawatan Muhibbah Delegasi Yayasan Sarawak ke Yayasan Sabah
9 Kunjung Hormat Pengarah Yayasan Sarawak ke atas Pengerusi Eksekutif Esprit Wealth Sdn Bhd
9 Kunjungan Hormat The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)
9 Kunjungan Hormat ke atas Setiausaha Tetap MEITD yang baharu
9 Kunjungan Hormat PETRONAS Project Delivery & Technology
9 Kunjungan Hormat FRT Group Sdn. Bhd.
10 Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)
10 Bengkel Audit EKSA Yayasan Sarawak
10 Bengkel Penyelarasan dan Libat Urus Jawatankuasa Audit Zon EKSA
10 Pelancaran EKSA Yayasan Sarawak Sempena 53 Tahun Yayasan Sarawak
10 Pra Audit Zon-Zon EKSA Yayasan Sarawak
10 Aktiviti Gotong-Royong EKSA Perdana
10 Gotong Royong EKSA Pejabat Kuala Lumpur dan Jamuan Gawai Pelajar Program Pertukaran
11 Majlis Perhimpunan Bulanan Khas Sempena 53 Tahun Yayasan Sarawak
12 Mesyuarat Kumpulan Institusi Pendidikan Yayasan Sarawak
12 Mesyuarat Penutupan Audit Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR)
12 Kumpulan 'YS ACES' Tempat Ketiga Konvensyen ICC 2024
13 Kunjungan Hormat Majlis Sukan Negeri Selangor
13 Kunjungan Hormat Delegasi Majlis Amanah Rakyat (MARA)
13 Kunjungan Hormat Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor
14 Mesyuarat Persiapan Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak 2024
14 Mesyuarat Program Pertukaran Pelajar Bersama Yayasan Sabah
15 Yayasan Sarawak Terima Sijil Penghargaan Rakan Strategik PTPTN
15 Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran Negeri Sarawak
15 Lawatan Penandaarasan EKSA Yayasan Sarawak
16 Bengkel dan Latihan, Tingkatkan Kemahiran Warga Kerja

## INFO GRAFIK

17 Jumlah Benefisiari Baharu Bulan Januari hingga Ogos 2024
18 Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan Yayasan Sarawak Bulan Januari hingga Ogos 2024

## INFO PENDIDIKAN

19 Majlis Perasmian Bangunan Baharu Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak
19 Majlis Menandatangani MoU Antara Universiti Teknologi Sarawak (UTS) dan Kolej Universiti i-CATS
20 Program Cakna Anak Sarawak Tingkat Sokongan kepada Mahasiswa Sarawak
20 Panel Forum Kepimpinan Pendidikan Sipartners+
21-23 Sehari EKSPO Pendidikan Sarawak 2024 Meriah Seluruh Daerah
24 Perbincangan Kerjasama Tabung Pendidikan Bersama Sarawak Energy
24 Program 'Fast Track SPM' Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
25 Yayasan Sarawak Terima Kunjungan Hormat pelbagai pihak
26 Majlis Penutupan Program Pemerkasaan Bahasa Inggeris (EEP) Universiti Curtin Malaysia
26 Ceramah Penajaan Pendidikan sempena Majlis Penyampaian Sijil Kecemerlangan SPM dan UEC 2023
26 Ceramah Bantuan Pendidikan sempena Minggu Pendidikan dan Kerjaya SMK Tun Abang Haji Openg
26 Ceramah Penajaan Pendidikan sempena Program Perkampungan Menara Gading PERKEPIS
27 - 28 Yayasan Sarawak Konsisten Hadir Jemputan Pameran dan Ceramah Pendidikan
29 - 30 Yayasan Sarawak Kuala Lumpur Aktif Pantau Kebajikan Pelajar Program Pertukaran

## INFO SUKAN, RIADAH & KEBAJIKAN

31 Pengarah Yayasan Sarawak Rasmi Karnival Sukan Kelab Yayasan Sarawak 2024
31 Ceramah Khas sempena Aidil Adha 1445H
31 Program Ceramah Maal Hijrah 1446H
32 Yayasan Sarawak Agensi Angkat Kontinjen SUKMA Negeri Selangor
32 Kelab Yayasan Sarawak Cemerlang di Kejohanan Olahraga MAKSAK Sarawak 2024

33 - 35 Galeri Foto
36 Testimoni Pelanggan
37 Direktori Yayasan Sarawak
38 Premis Sewaan Yayasan Sarawak
39 Institusi Pembelajaran dan Latihan Kami

Yayasan Sarawak

# *Dari Meja* PENGARAH



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Sarawakku Sayang dan salam maju makmur.**

Syukur Alhamdulillah dengan limpah dan rahmat-Nya, Buletin Outreach Edisi Mei hingga Ogos 2024 berjaya diterbitkan. Edisi kali ini memaparkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Sarawak sepanjang suku kedua tahun ini. Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi yang bertungkus-lumus memastikan penerbitan kali ini berjalan lancar.

Aktiviti dan program yang diketengahkan kali ini melibatkan kolaborasi erat dengan pelbagai pihak meliputi aspek pembangunan pendidikan, sokongan belia serta pengukuhan hubungan strategik dengan agensi tempatan dan antarabangsa.

Edisi ini juga terus menegaskan komitmen Yayasan Sarawak sebagai "Pemangkin Pembangunan Pendidikan" di negeri ini dengan menumpukan kepada impak yang positif kepada masyarakat khususnya generasi muda Sarawak.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang menyokong dan menyumbang kepada kejayaan program-program Yayasan Sarawak. Khususnya, terima kasih kepada rakan strategik kami seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, PETRONAS, Sarawak Volunteers serta agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan yang sentiasa menjadi rakan usaha dalam merealisasikan visi pendidikan kami.

Sokongan anda semua sangat bermakna dalam menjayakan matlamat Yayasan Sarawak untuk memperkasakan pendidikan sebagai tunjang kepada pembangunan modal insan negeri ini. Harapan saya, Buletin Outreach ini bukan sahaja dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pembaca tetapi juga memperkukuhkan lagi peranan Yayasan Sarawak dalam usaha menjadikan pendidikan sebagai alat perubahan positif, bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di peringkat global.

Akhir kata, Yayasan Sarawak komited untuk terus membantu anak-anak Sarawak terutama sekali dalam bidang pendidikan dengan misi membina modal insan yang cemerlang demi masa depan Sarawak yang lebih gemilang.

Terima kasih atas sokongan anda.
Selamat membaca!

**"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"**
**"AN HONOUR TO SERVE"**
**"PEMANGKIN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN"**

**HAJI MERSAL BIN ABANG ROSLI**
Pengarah
Yayasan Sarawak

*Dari Meja*
# KETUA EDITOR

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Sarawak ku Sayang.**

Syukur alhamdulillah saya lafazkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan nikmat-Nya maka Buletin Outreach Edisi Mei hingga Ogos 2024 telah pun berjaya diterbitkan.

Edisi Outreach pada kali ini memaparkan pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan pada suku ketiga 2024. Aktiviti dan program yang telah dijalankan melibatkan setiap lapisan komuniti bagi mencapai hasil, proses perhubungan, wacana, pembuatan keputusan dan juga pelaksanaan program-program yang diamanahkan oleh Kerajaan Sarawak.

Semenjak Buletin Outreach ini diberi nafas baharu dan selepas pasca Covid-19, pasukan kami dari Yayasan Sarawak terus bergelut memperbanyakkan aktiviti menyantuni rakyat yang memerlukan. Jumlah penerima manfaat semakin meningkat. Ini jelas dapat ditunjukkan dalam gambaran prestasi semasa tahunan kami dan juga melalui program-program yang dianjurkan.

Untuk edisi kali ini, rutin kerja medium ini akan terus berkongsi rentetan program-program yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Sidang Redaksi pada kali ini akan menyingkap segala pelaksanaan program sepanjang bulan Mei hingga Ogos 2024 sebagai perkongsian bersama.

Kebanyakan aktiviti pada suku ketiga tahun ini banyak berkisar kepada:

1. Lawatan Penanda Aras:
   - Lawatan oleh institusi dan universiti ke Yayasan Sarawak.
   - Kunjungan balas ke agensi-agensi di luar Sarawak.

2. Program untuk Pelajar Tajaan Yayasan Sarawak:
   - Taklimat biasiswa dan pinjaman pendidikan di seluruh pelusuk Sarawak.
   - Program motivasi dan pengukuhan akademik untuk pelajar tajaannya.

3. Program Mendekati Rakyat:
   - Program kerjaya yang bertujuan memberi pendedahan kepada belia.
   - Pelbagai sesi taklimat berkaitan pendidikan dan pembangunan komuniti.

Menyedari hasrat ini, kami di Sidang Redaksi menggandakan usaha untuk memastikan edisi bercetak kali ini terus melaksanakan fungsinya dan tidak ditelan zaman berpaksikan fungsi Yayasan Sarawak sebagai "Pemangkin Pembangunan Pendidikan di Sarawak" yang bertaraf dunia.

Melalui perutusan ini juga, saya ingin menzahirkan rasa terima kasih kepada pihak pengurusan Yayasan Sarawak yang sering memberi perangsang kepada kami. Tidak lupa semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Outreach edisi pada kali ini. Sebarang penambahbaikan yang ingin dikemukakan amatlah dialu-alukan untuk meningkatkan mutu penerbitan majalah Outreach di masa akan datang.

Selamat membaca, wassalam.

**HAJAH SURYANI BINTI ABDUL HAMID**
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi
Merangkap Ketua Editor

# SIDANG *REDAKSI*



**KETUA EDITOR**
*Hajah Suryani binti Abdul Hamid*



**EDITOR**
*Haznetta Sarenau Howell*



**PEN. EDITOR / PENULIS / PEMBACA PRUF**
*Bethsheba Nassa anak Mattson Attang*



**REKA GRAFIK / JURUFOTO / PENULIS**
*Ahmad Jumadi bin Sabang*



**PENULIS / PEN. PEMBACA PRUF**
*Kathy binti Omar*



**JURUFOTO**
*Muhd Haziq bin Rahmatullah*



**JURUFOTO**
*Mohammad Nizam Awang Buang*

***SEKALUNG BUDI*** Terima kasih atas sumbangan penulisan dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penerbitan buletin OUTREACH kali ini. Sebarang cadangan penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke ysscorpcom@yayasansarawak.org.my

***TERBITAN*** Seksyen Pengurusan Data & Komunikasi Awam (PDKA), Yayasan Sarawak, Wisma Adenan, Jalan Sultan Tengah, 93050 Kuching, Sarawak, MALAYSIA.

+60 82 441 686 (t) | +60 82 440 023 (f) | +6017 700 1971 (ysCARE) | ys@yayasansarawak.org.my | www.yayasansarawak.org.my



Merakam kenangan bersama TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaffar



Tuan Haji Mersal sedang mendengar nasihat dan cadangan daripada Tun Pehin Sri

INFO BERITA UTAMA

# KUNJUNGAN PENGARAH YAYASAN SARAWAK KE ATAS TYT YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUCHING, 24 Julai 2024** – Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli pada pagi ini telah menghadiri jemputan rasmi daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar di Bilik Menghadap Kecil, Astana Negeri Sarawak.

Dalam pertemuan itu, Tuan Haji Mersal telah memaklumkan hala tuju Yayasan Sarawak dengan segala perancangan program dan aktiviti bagi membantu memperkasakan sektor pendidikan dan kebajikan di Sarawak selain senantiasa menyediakan bantuan pendidikan kepada masyarakat yang memerlukan.

Pengarah Yayasan Sarawak merakamkan penghargaan junjung kasih atas jemputan tersebut dan memberikan komitmen untuk terus berusaha demi kebaikan pembangunan pendidikan di Sarawak.

Turut mengiringi beliau, Timbalan Pengarah (Pendidikan) Yayasan Sarawak, Encik Watson Chunggat Leornard Doo.



Premier Abang Jo menyerahkan komputer riba percuma kepada salah seorang penerima IPT



Penerima Kategori Kelainan Upaya turut menerima Anugerah Khas Premier Sarawak

INFO BERITA UTAMA

# PREMIER SARAWAK PERUNTUKKAN RM15 JUTA KOMPUTER RIBA PERCUMA

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUCHING, 8 Ogos 2024 -** Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg, telah memperuntukkan sebanyak RM15 juta untuk membekalkan komputer riba percuma kepada pelajar Sarawak yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Menurut beliau, lebih 13,000 pelajar telah memohon untuk menerima komputer riba ini, manakala kira-kira 5,000 memohon baucar buku. Sekitar 35,000 pelajar Sarawak sedang menuntut di IPTA dan IPTS.

"Inisiatif ini bertujuan memudahkan pelajar belajar, membuat penyelidikan dan mengenal pasti bidang pengajian di universiti," katanya dalam Majlis Pelancaran Agihan Komputer Riba Percuma dan Anugerah Khas Premier Sarawak di Hikmah Exchange.

Majlis turut menyaksikan Abang Johari menyerahkan 50 komputer riba kepada pelajar IPTA dan IPTS serta Penyampaian Anugerah Khas Premier Sarawak (AKPS) Ke-31 kepada 43 penerima. Turut hadir ialah pemimpin dan menteri kerajaan Sarawak, Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli.

INFO BERITA UTAMA

# EKSPO PENDIDIKAN SARAWAK 2024 KALI KETIGA DIRASMIKAN

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang



Premier Sarawak merasmikan Ekspo Pendidikan Sarawak 2024 kali ketiga



Salah seorang pelajar SPM 2023 menerima Hadiah Pelajar Cemerlang daripada Premier Sarawak

**KUCHING, 27 Julai -** Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg menyempurnakan Majlis Perasmian Ekspo Pendidikan Sarawak 2024 di Dewan Tan Sri Aziz, Kolej Universiti i-CATS. Majlis perasmian itu disiarkan secara langsung menerusi platform Google Meet yang diadakan serentak di semua 45 daerah di Sarawak yang menyasarkan sekitar 14,000 pengunjung.

Pada majlis itu, satu memorandum persefahaman (MoU) turut ditandatangani antara Yayasan Sarawak, Curtin University Malaysia, Swinburne University of Technology (Kampus Sarawak), Universiti Teknologi Sarawak (UTS), Kolej Universiti i-CATS dan Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA). Selain itu turut diadakan penyampaian Anugerah Sekolah Terbaik SPM 2023 kepada SM Sains Kuching Utara (SAKURA) dan Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak SPM 2023 kepada seramai 25 penerima.

Turut hadir Timbalan Premier Sarawak YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, Setiausaha Kerajaan Sarawak YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki dan Pengarah Yayasan Sarawak YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli.



Para pelajar merakam kenangan bersama Menteri Pendidikan Malaysia



YB Fadhlina menyampaikan surat tawaran Program Pertukaran Pelajar kepada salah seorang pelajar Semenanjung

INFO BERITA UTAMA

# MAJLIS ‘FLAG-OFF’ MURID SEMENANJUNG KE SEKOLAH BERASRAMA PENUH (SBP) DI SARAWAK

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUALA LUMPUR, 4 Jun 2024** – Majlis ‘Flag-Off’ Murid Semenanjung ke SBP di Sarawak telah dilancarkan oleh Yang Berhormat Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia. Program yang dimulakan sejak tahun 1971 ini bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan di kalangan pelajar seluruh Malaysia dan meningkatkan semangat integrasi nasional di kalangan pelajar dari Sabah, Sarawak, dan Semenanjung.

Seramai 12 pelajar tingkatan 1 dari Semenanjung Malaysia ditaja sepenuhnya oleh Yayasan Sarawak di bawah Biasiswa Program Pertukaran Pelajar telah menerima surat tawaran dan akan bersekolah di Sarawak khususnya di Kolej Tun Tuanku Haji Bujang, Sekolah Menengah Agama Miri dan Sekolah Menengah Sains Miri.

Majlis ini turut dihadiri oleh Encik Watson Chunggat Leonard Doo, yang mewakili Pengarah Yayasan Sarawak; Encik Ab Aziz bin Mamat, Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama KPM; pegawai-pegawai kanan Yayasan Sarawak dan Kementerian Pendidikan Malaysia serta ibu bapa pelajar.

INFO KORPORAT

# LAWATAN TAPAK PREMIER SARAWAK KE UNIVERSITI TEKNOLOGI SARAWAK KAMPUS LAILA TAIB, MUKAH

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang



Premier Sarawak menerima cenderamata daripada Naib Canselor UTS seorang penerima IPT



Premier Sarawak sedang mengadakan lawatan tapak di UTS Kampus Laila Taib, Mukah

**MUKAH, 13 Ogos 2024 -** Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli turut hadir dalam lawatan tapak bersama Premier Sarawak, YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg ke Universiti Teknologi Sarawak (UTS) Kampus Laila Taib di Mukah.

Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kemudahan dan infrastruktur di kampus baru tersebut yang diharapkan dapat meningkatkan keupayaan pendidikan teknikal di Sarawak, khususnya dalam bidang maritim.

Naib Canselor UTS, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab. Hamid, turut memberi taklimat terperinci kepada YAB Premier Sarawak serta para tetamu yang hadir mengenai program-program maritim yang akan ditawarkan di kampus ini.

Program ini dijangka memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan yang berkemahiran tinggi bagi menyokong industri maritim dan ekonomi Sarawak.

INFO KORPORAT

# LAWATAN TAPAK YAYASAN SARAWAK INTERNATIONAL SECONDARY SCHOOL SIBU

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**SIBU, 6 Jun 2024 -** Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli hari ini melawat tapak projek bagi memantau perkembangan pembinaan Sekolah Menengah Antarabangsa Yayasan Sarawak (YSISS) di Sibu.

Turut mengiringi beliau ialah Pengurus YSIE Sdn Bhd (anak syarikat Yayasan Sarawak), Puan Noranne binti Adam Assim, Penolong Pengarah Korporat, Encik Jolly bin Marikan dan juga dari pihak pemaju.



Tuan Haji Mersal membuat lawatan tapak pembangunan Sekolah Menengah Antarabangsa Yayasan Sarawak di Sibu seorang penerima IPT

INFO KORPORAT

# LAWATAN MUHIBBAH DELEGASI YAYASAN SARAWAK KE YAYASAN SABAH

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KOTA KINABALU, 14 Mei 2024 -** Rombongan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli telah mengadakan Lawatan Muhibbah ke Kumpulan Yayasan Sabah.

Rombongan disambut mesra oleh Pengarahnya, YB Dato' Sri Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar, JP bersama pengurusan Kumpulan Yayasan Sabah di Sabah International Convention Center. Turut bersama dari Curtin University Malaysia, Swinburne University of Technology (Kampus Sarawak), Universiti Teknologi Sarawak, Kolej Laila Taib, Kolej Universit i-CATS dan CENTEXS.



Delegasi Yayasan Sarawak merakam kenangan bersama pengurusan Yayasan Sabah



INFO KORPORAT

## KUNJUNG HORMAT PENGARAH YAYASAN SARAWAK KE ATAS PENGERUSI EKSEKUTIF ESPRIT WEALTH SDN BHD

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**SIBU, 6 Jun 2024 -** Kunjungan Hormat Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli kepada YBhg. Datuk Mohamad Tufail Mahmud, Pengerusi Eksekutif Esprit Wealth Sdn Bhd di pejabat beliau, Wisma Sanyan, Sibu.

Turut hadir Penolong Pengarah Korporat, Encik Jolly bin Marikan yang mengiringi Pengarah Yayasan Sarawak.



INFO KORPORAT

## KUNJUNGAN HORMAT THE ASSOCIATION OF CHARTERED CERTIFIED ACCOUNTANTS (ACCA)

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 30 Mei 2024 -** Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli menerima kunjungan hormat daripada Associated of Chartered Certified Accountants (ACCA) di Wisma Adenan, Yayasan Sarawak, Kuching.

Delegasi diketuai oleh Cik Jane Chiong, Ketua Perhubungan Pendidikan, Maritim Asia Tenggara; Encik Ang Wen How, Ketua Perhubungan Pendidikan dan Encik Calvin Wong, Pengurus Perhubungan Perniagaan Kanan.

Turut hadir ialah pegawai dari Bahagian Pendidikan Yayasan Sarawak Puan Ratnasari binti Mansor dan Encik Yantiska bin Mahmud.



INFO KORPORAT

## KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS SETIAUSAHA TETAP MEITD YANG BAHARU

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUCHING, 18 Jun 2024 -** Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli mengadakan kunjungan hormat ke atas Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak yang baharu, YBrs. Tuan Haji Adana bin Haji Jed di pejabat beliau di Menara LCDA, Kuching.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah Timbalan Pengarah (Operasi) Yayasan Sarawak, Encik Mohamad Adzlie bin Ibrahim serta Pegawai-Pegawai Kanan Yayasan Sarawak.



INFO KORPORAT

## KUNJUNGAN HORMAT PETRONAS PROJECT DELIVERY & TECHNOLOGY

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 25 Jun 2024 -** Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli telah menerima kunjungan horamat delegasi PETRONAS diketuai oleh YBrs. Ir. Mohd Yusri Mohamed Yusof, Naib Presiden Kanan, Penyampaian Projek dan Teknologi PETRONAS.

Kunjungan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan strategik antara Yayasan Sarawak dan PETRONAS serta membincangkan potensi kerjasama dalam pelbagai inisiatif pembangunan dan pendidikan di Sarawak.



INFO KORPORAT

## KUNJUNGAN HORMAT FRT GROUP SDN. BHD

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 9 Ogos 2024** - FRT Group Sdn. Bhd. mengadakan kunjungan hormat ke atas Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli. Perbincangan tertumpu kepada potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dengan matlamat memperkukuh pelan strategik Yayasan Sarawak selari Pelan Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2023 Kerajaan Sarawak.

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang



INFO KORPORAT

# KURSUS EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

**KOTA KINABALU, 15-16 Mei 2024** - Yayasan Sarawak telah menganjurkan Kursus Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) bertempat di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu, Sabah.

Kursus ini turut dihadiri oleh Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli. Kursus ini bertujuan meningkatkan kefahaman peserta mengenai prinsip EKSA bagi mewujudkan persekitaran kerja yang lebih sistematik, efisien dan kondusif selaras dengan usaha memperkukuh budaya kecemerlangan organisasi di sektor awam.



INFO KORPORAT

# PRA AUDIT ZON-ZON EKSA YAYASAN SARAWAK

**WISMA ADENAN, 20 Jun 2024** - Sesi Pra-Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Yayasan Sarawak hari ini telah dijalankan oleh Jawatankuasa Audit EKSA yang diketuai oleh Encik Jolly bin Marikan.

Sesi pra audit dua (2) hari bermula hari ini akan diadakan di enam (6) lokasi Zon EKSA bertempat di Ibu Pejabat dan Kompleks Asrama Yayasan Sarawak, Jalan Sultan Tengah, Kuching.





INFO KORPORAT

# BENGKEL AUDIT EKSA YAYASAN SARAWAK

**KUCHING, 19 Jun 2024** - Bengkel Audit Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) untuk Jawatankuasa Audit EKSA yang diketuai oleh Encik Jolly bin Marikan, Penolong Pengarah (Seksyen Korporat).

Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Bahagian Pemodenan Tadbiran Awam Sarawak bertempat di salah sebuah hotel.



INFO KORPORAT

# GOTONG-ROYONG EKSA PEJABAT KUALA LUMPUR

**KUALA LUMPUR, 1 Jun 2024** - Aktiviti Gotong Royong EKSA Zon UTS di Pejabat Kuala Lumpur diketuai oleh Encik Franklyn Messat anak Kujang, Ketua Cawangan bersama-sama dengan kakitangan.

Seusai gotong-royong, YSKL mengadakan Jamuan Hari Gawai Bersama Pelajar Program Pertukaran Yayasan Sarawak yang menetap d asrama Yayasan Sarawak bersempena dengan cuti sekolah.

INFO KORPORAT

# AKTIVITI GOTONG-ROYONG EKSA PERDANA

**WISMA ADENAN, 27 Mei 2024** - Program Gotong Royong Perdana (EKSA) telah melibatkan 7 Zon yang diketuai Ketua Penyelaras EKSA Yayasan Sarawak, Puan Hajah Suryani binti Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi) Yayasan Sarawak.



INFO KORPORAT

# BENGKEL PENYELARASAN DAN LIBAT URUS JK AUDIT ZON EKSA

**WISMA ADENAN, 6 Ogos 2024** - Yayasan Sarawak menganjurkan Bengkel Penyelarasan dan Libat Urus JK Audit Zon EKSA bertempat di Bilik Rujukan, Wisma Adenan.

Bengkel ini bertujuan memperkukuh pelaksanaan EKSA melalui penyelarasan, konsultasi, dan libat urus bersama jawatankuasa berkaitan. Program ini memberi penekanan kepada strategi memperbaiki sistem pengurusan persekitaran kerja yang kondusif dan efisien, selaras dengan aspirasi kecemerlangan sektor awam.




INFO KORPORAT

# PELANCARAN EKSA YAYASAN SARAWAK SEMPENA 53 TAHUN YAYASAN SARAWAK

**WISMA ADENAN, 27 Mei 2024** - Sempena 53 Tahun Yayasan Sarawak, Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli telah melancarkan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) Yayasan Sarawak.

Majlis ini diserikan dengan pelancaran logo baharu EKSA, yang mencerminkan komitmen Yayasan Sarawak dalam memperkukuh budaya kerja kondusif dan efisien.

Dalam majlis tersebut, Ketua Penyelarasan EKSA, Puan Hajah Suryani Abdul Hamid, menyerahkan dokumentasi rasmi EKSA sebagai tanda komitmen organisasi terhadap inisiatif ini. Pelancaran ini diharap dapat mempertingkatkan lagi produktiviti dan kualiti persekitaran kerja di Yayasan Sarawak.

## ‘SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-53 YAYASAN SARAWAK’



Tuan Haji Mersal menyampaikan amanat kepada waga kerja yang hadir



Acara Memotong Kek 53 Tahun Yayasan Sarawak



Tuan Haji Mersal menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran



Lafaz Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam Sarawak diketuai oleh Pegawai Kanan Yayasan Sarawak

INFO KORPORAT

# MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KHAS SEMPENA 53 TAHUN YAYASAN SARAWAK

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**27 Mei 2024 (Isnin)** – Pada hari yang penuh bermakna ini, Majlis Perhimpunan Bulanan Khas sempena Ulang Tahun Ke-53 Yayasan Sarawak telah disambut secara sederhana di Auditorium Yayasan Sarawak termasuk lintas langsung ke Pejabat Yayasan Sarawak Kuala Lumpur. Antara pengisian utama majlis ialah perutusan Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli. Sebelum itu, Sesi Bacaan Doa telah dipimpin oleh Pelajar Praktikal, Bacaan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam Sarawak oleh Pegawai dan Laporan Aktiviti Bulanan menerusi Segmen MP News.

Selepas perutusan, majlis diteruskan dengan penyerahan Bantuan Sumbangan kepada wakil keluarga mendiang Laskar Kanan JJM Joana Felicia Rohna, 17 penerima bantuan kebakaran di Kampung Long Kerangan dan 4 penerima bantuan kebakaran di Kampung Haji Baki. Majlis diteruskan lagi dengan Majlis Pelancaran Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Peringkat Yayasan Sarawak, Memotong Kek Ulang Tahun ke-53 dan diakhiri dengan sesi bergambar kenang-kenangan.

Sebelum majlis bersurai, semua hadirin termasuk tetamu jemputan beredar ke Dewan Jamilah untuk menikmati jamuan yang ditaja bersama Kelab Yayasan Sarawak.



Sesi bergambar sempena 53 tahun penubuhan Yayasan Sarawak


Semua warga kerja melafazkan Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak



INFO KORPORAT

# MESYUARAT KUMPULAN INSTITUSI PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK

**Disediakan oleh :** Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 27 Jun 2024** - Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli telah mempengerusikan Mesyuarat Kumpulan Institusi Pendidikan Yayasan Sarawak di Wisma Adenan, Kuching.

Mesyuarat turut dihadiri CEO CENTEXS, Dato Haji Syeed Mohd Hussien bin Wan Abd Rahman; Pro-Naib Canselor Swinburne, Ir. Profesor Lau Hieng Ho; Prof. Rabuan Mantine dari Universiti Teknologi Sarawak; CEO Kolej Laila Taib, Encik Eric Wong; CEO i-CATS University College, Encik Hallman bin Sabri; CEO YSISS, Puan Noranne Adam Assim serta rombongan.



INFO KORPORAT

# MESYUARAT PENUTUPAN AUDIT YAYASAN BIASISWA SARAWAK TUNKU ABDUL RAHMAN (YBSTAR)

**Disediakan oleh :** Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 17 Julai 2024** - Mesyuarat Penutupan Audit Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) berlangsung di Bilik Mesyuarat Alamanda, Wisma Adenan. Dihadiri oleh Pengarah Yayasan Sarawak, YBrs. Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, sesi ini bertujuan membincangkan laporan kewangan dan pencapaian terkini.






INFO KORPORAT

# KUMPULAN 'YS ACES' TEMPAT KETIGA KONVENSYEN ICC 2024

**Disediakan oleh :** Ahmad Jumadi Sabang

**Kuching, 19 Julai 2024** – TAHNIAH diucapkan kepada Kumpulan YS ACES dari Yayasan Sarawak yang berjaya merangkul tempat ketiga dalam Konvensyen Innovative and Creative Circle (ICC) 2024 Peringkat Jabatan Premier Sarawak. Konvensyen tersebut diadakan di Sarawak Chamber, Hotel Riverside Majestic, Kuching, dengan penyertaan sebanyak 38 pasukan.

Kumpulan YS ACES mempertaruhkan tajuk projek "Pengurusan Rekod Kehadiran Kakitangan Yang Kurang Efisien" yang mempamerkan inovasi dan penyelesaian kreatif untuk menangani isu dalam organisasi. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Operasi), YBhg. Datu Hii Chang Kee, kepada Timbalan Pengarah (Operasi Yayasan Sarawak, Encik Mohamad Adzlie bin Ibrahim yang turut diiringi Ketua Kumpulan YS ACES, Encik Randy Alexon anak Rozaiman. Anggota kumpulan YS ACES terdiri daripada A'isya Munirah Rafi, Muhd Haziq Rahmatullah, Hajah Rajanah Jasmin Abu Bakar, Amirudin Osman dan Cik Catherine Justine Bueng.

Selain itu, pasukan Shining yang diketuai Encik Mohamad Hafizi Talhah turut menyertai konvensyen berkenaan dengan anggota terdiri daripada Mohammad Iqbal Mohamad Zaidil, Awangku Mohamad Nasrullah Awangkoh Morsidi, Helmi Annual @ Annuar, Noor Shafawati Muhammad Musa dan Mohd Kharuddin Norjali.

INFO KORPORAT

# KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang



Merakam kenangan bersama delegasi Majlis Sukan Negeri Selangor



Penyerahan cenderahati kepada YB Tuan Mohd Najwan daripada Encik Watson Chunggat

WISMA ADENAN, 23 Mei 2024 - YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor diiringi YB Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi, ADN Seri Serdang merangkap Timbalan Pengerusi II MSNS bersama YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS mengadakan kunjungan hormat ke Yayasan Sarawak di Petra Jaya, Kuching, Sarawak.

Delegasi Kontinjen Negeri Selangor telah disambut oleh Timbalan Pengarah (Pendidikan) Yayasan Sarawak, Encik Watson Chunggat Leornard Doo yang turut disertai Ahli Jawatankuasa Kelab Yayasan Sarawak.

Kunjungan hormat ini diadakan bagi membincangkan berkenaan penyelarasan hal ehwal pengurusan Kontinjen Negeri Selangor bersama Yayasan Sarawak yang merupakan bapa angkat bagi Kontinjen Negeri Selangor di Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2024. Delegasi yang disertai oleh para pegawai MSNS ini turut mengadakan lawatan ke venue pertandingan dan penginapan bagi Temasya SUKMA di sekitar Negeri Sarawak.



INFO KORPORAT

# KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 30 Mei 2024** - Yayasan Sarawak terima kunjungan hormat rombongan Majlis Amanah Rakyat (MARA) ke Yayasan Sarawak yang diketuai Encik Timelow anak Jauk, Pengarah Pembiayaan Perniagaan. Beliau turut diiringi Encik Meor Mohd Khairy bin Meor Abdullah Zawawi, Pengarah Kawalan Kredit.

Rombongan telah disambut oleh Ketua Penolong Pengarah (Biasiswa, Program dan Bantuan) Encik Zamahari bin Haji Saidi, serta barisan Pegawai Kanan daripada Bahagian Pendidikan.



INFO KORPORAT

# KUNJUNGAN HORMAT JABATAN BELIA DAN SUKAN NEGERI SELANGOR

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**WISMA ADENAN, 24 Jun 2024** - Yayasan Sarawak menerima kunjungan hormat delegasi Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor yang diketuai Pengarahnya, Puan Azura binti Haji Sarbin. yang disambut oleh Penolong Pengarah Korporat, Encik Jolly bin Marikan dan pihak pengurusan Kelab Yayasan Sarawak.

Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor merupakan Jawatankuasa Induk Kontinjen Para SUKMA Selangor pada September akan datang. Pada masa ini, Yayasan Sarawak merupakan agensi angkat yang dipilih membantu Kerajaan Negeri Selangor bagi kontinjen SUKMA dan Para-SUKMA pada temasya sukan yang akan datang.





INFO KORPORAT

# MESYUARAT PERSIAPAN PROGRAM PERKAMPUNGAN PELAJAR YAYASAN SARAWAK 2024

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**TERENGGANU, 25 Jun 2024** - Mesyuarat persediaan bagi penganjuran Program Perkampungan Pelajar Tajaan Yayasan Sarawak dan Program Lawatan Muhibbah Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Sarawak telah diadakan bersama Yayasan Terengganu dan Persatuan Kebudayaan Sarawak Universiti Malaysia Terengganu. Mesyuarat ini dipengerusikan Pemangku Timbalan Pengarah (Pendidikan) Yayasan Sarawak, Encik Watson Chunggat Leornard Doo dan diiringi Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Biasiswa, Program dan Bantuan), Encik Zamahari bin Haji Saidi.

Program yang dikendalikan oleh Kelab Kebudayaan Sarawak UMT ini dijangka melibatkan seramai 300 pelajar dari Program Pertukaran dan Program HiPERS sempena cuti penggal persekolahan. Ketibaan Rombongan Yayasan Sarawak telah disambut oleh Tuan Haji Megat Samsudin bin Megat Yusof, Timbalan Pengarah (Pendidikan) Yayasan Terengganu. Turut hadir Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan Pendidikan) Yayasan Terengganu, Encik Yusrisyam bin Ibrahim, Ketua Cawangan Yayasan Sarawak Kuala Lumpur, Encik Franklyn Messat anak Kujang dan Presiden Persatuan Kebudayaan Sarawak UMT, Encik Schmichel Siam anak Nicholas.





INFO KORPORAT

# MESYUARAT PROGRAM PERTUKARAN PELAJAR BERSAMA YAYASAN SABAH

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**SABAH, 13 Mei 2024** - Mesyuarat Program Pertukaran Pelajar antara Yayasan Sabah dan Yayasan Sarawak telah diadakan di Menara Tun Mustapha, Kota Kinabalu. Dipengerusikan oleh Puan Bahiwata S. Mulia, Pengurus Kumpulan Bahagian Pembangunan Pendidikan, mesyuarat ini bertujuan memperkukuh integrasi nasional antara Sarawak dan Sabah. Program yang diperkenalkan pada tahun 1971 itu melibatkan pelajar cemerlang Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 yang akan ditempatkan di sekolah terpilih. Pelajar Sabah akan dihantar ke Sarawak di bawah tajaan Yayasan Sarawak, manakala pelajar Sarawak akan ditempatkan di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah tajaan Yayasan Sabah. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Biasiswa, Program dan Bantuan, En Zamahari Haji Saidi dan Penolong Pengarah Bahagian Program dan Bantuan, En Mahathir Mohamad.

Program ini diharapkan dapat mengukuhkan semangat perpaduan dan melahirkan pelajar yang berdaya saing.



INFO KORPORAT

# YAYASAN SARAWAK TERIMA SIJIL PENGHARGAAN RAKAN STRATEGIK PTPTN

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUALA LUMPUR, 8 Mei 2024** – Yayasan Sarawak, diwakili oleh Encik Watson Chunggat Leonard Doo, menerima Sijil Penghargaan Rakan Strategik PTPTN sempena Majlis Mesra Pelanggan PTPTN 2024 di Royale Chulan Kuala Lumpur.

Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Lembaga Pengurusan PTPTN serta Pengurusan Tertinggi KPT dan PTPTN.




INFO KORPORAT

# MAJLIS ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH-DARJAH KEBESARAN NEGERI SARAWAK

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**KUCHING, 15 Ogos 2024** - Tahniah kepada Puan Hajah Suryani binti Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi atas pengurniaan Darjah Pegawai Bintang Kenyalang (P.B.K).

Pengurniaan pingat telah disempurnakan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaffar.



INFO KORPORAT

# LAWATAN PENANDAARASAN EKSA YAYASAN SARAWAK

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

**SAMARAHAN, 19 Julai 2024** - Seramai 25 orang pegawai dan kakitangan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pentadbiran dan Komunikasi) merangkap Fasilitator EKSA Yayasan Sarawak, Puan Hajah Suryani binti Abdul Hamid telah mengadakan Lawatan Penandaarasan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) ke pejabat Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Wilayah Sarawak, Kota Samarahan.

Tujuan lawatan adalah untuk memantapkan lagi pelaksanaan EKSA di Yayasan Sarawak di samping dapat mempelajari amalan terbaik daripada pihak INTAN dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif.

Lawatan ini diharap dapat meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan EKSA di Yayasan Sarawak dalam memperkenalkan pendekatan baharu dan mengukuhkan budaya kerja yang lebih cekap dan produktif.




26/06/2024 - Sesi Persiapan Pelan Strategik Yayasan Sarawak di Bilik Mesyuarat Orkid, Wisma Adenan Yayasan Sarawak, Kuching


03-04/07/2024 - Bengkel Pelan Strategik Yayasan Sarawak di Double Tree By Hilton Johor Bahru, Johor


13/06/2024 - Sesi Pemantapan Kefahaman Kakitangan Terhadap Sistem Kewangan Yayasan Sarawak di Bilik Mesyuarat Alamanda, Wisma Adenan Yayasan Sarawak, Kuching



12-15/05/2024 - Ketua Pegawai Eksekutif YSIE Sdn. Bhd. wakili Yayasan Sarawak ke 'Samsung Power Up Conference' di Samsung Digital City, Suwon, Korea Selatan


12/06/2024 - Kursus Keberhasilan Dalam Rundingan - Kemahiran Perundingan Proaktif di Bilik Mesyuarat Orkid, Wisma Adenan Yayasan Sarawak, Kuching


25-26/06/2024 - Kursus 'Being Happy - Me, Myself And My Work' di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Adenan Yayasan Sarawak, Kuching

INFO KORPORAT

# BENGKEL DAN LATIHAN, TINGKATKAN KEMAHIRAN WARGA KERJA

Disediakan oleh : Ahmad Jumadi Sabang

Seksyen Pengurusan Prestasi dan Kualiti telah menmganjurkan beberapa siri bengkel dan latihan yang bertujuan meningkatkan prestasi warga kerja. Program ini memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran dan pengetahuan untuk memperkukuhkan keberkesanan tugas dan tanggungjawab setiap individu. Para peserta dilatih dengan teknik terkini yang akan memberi kesan positif kepada produktiviti organisasi selain memupuk budaya kerja berkualiti serta meningkatkan kompetensi dalam mencapai matlamat organisasi yang lebih tinggi dan berdaya saing.


19-20/06/2024 - Kursus Pemantapan Perkhidmatan Pelanggan 'Service With Heart And Smile' di Hotel Hilton, Kuching


25-26/06/2024 - Kursus 'Being Happy - Me, Myself And My Work' di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Wisma Adenan Yayasan Sarawak, Kuching


15/07/2024 - Bengkel Pengurusan Fail Dan Rekod Bersama Pustaka Negeri Sarawak di Bilik Rujukan Yayasan Sarawak


6-7/05/2024 - Kursus Kekompetenan Mate Domestik Terhad Untuk Program Perkhidmatan Pengangkutan (Air) Percuma Pelajar Sekolah di Jabatan Marin Malaysia, Marina Kuching.

**120,614** PELAJAR | **53** SEKOLAH

INFO GRAFIK

# BENEFISIARI BAGI BULAN JANUARI HINGGA OGOS 2024

**JANUARI - OGOS 2024**

BIASISWA

| BIASISWA | PELAJAR |
|---|---|
| • Bantuan Kemasukan ke IPT | 2,680 |
| • Biasiswa Khas Program Perubatan UNIMAS | 29 |
| • Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib | 221 |
| • Bursari BP40 | 397 |
| • Insentif Graduan Pulang Sarawak (iGPS) | 13,678 |
| JUMLAH BENEFISIARI | 17,005 |

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

| PEMBIAYAAN PENDIDIKAN | PELAJAR |
|---|---|
| • Biasiswa Pinjaman Pelajaran Dalam Negara | 2,770 |
| • Pinjaman Pelajaran Luar Negara | 53 |
| • Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal | 1,378 |
| JUMLAH BENEFISIARI | 4,201 |

PROGRAM DAN BANTUAN

| PROGRAM DAN BANTUAN | PELAJAR | SEKOLAH |
|---|---|---|
| • Bantuan Am / Geran | 14,531 | - |
| • Program Pemerkasaan Bahasa Inggeris | 515 | - |
| • Program HIPERS (High Performing Rural Schools) | - | 53 |
| • Inisiatif Kelas Tuisyen Sekolah Menengah | 56,000 | - |
